



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (05) C/KM/181/7 Jilid 1

10 Ogos 2022

Semua pemegang lesen yang dilesenkan bagi aktiviti eksport minyak sawit

Tuan/Puan,

PERINGATAN: PEMATUHAN TERMA KONTRAK DAN UNDANG-UNDANG NEGARA PENGIMPOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia industri sawit negara amat menitikberatkan pematuhan kepada perundangan yang berkaitan dengan keluaran kelapa sawit terutamanya aktiviti pengeksportan. Pematuhan terhadap perundangan negara-negara pengimport adalah penting bertujuan untuk memastikan keluaran kelapa sawit yang dieksport adalah memenuhi spesifikasi kontrak yang ditetapkan dan memastikan ianya selamat untuk dimakan.

3. Untuk makluman, kebelakangan ini terdapat konsignasi yang ditolak oleh negara pengimport atas dasar kegagalan mematuhi kehendak perundangan negara pengimport. Sehubungan ini, tuan/puan adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi terma kontrak yang telah dipersetujui di antara kedua belah pihak (kontrak jualan) di samping memastikan segala keperluan perundangan negara pengimport dipatuhi untuk mengelakkan berlakunya penolakan konsainan yang dieksport.

4. Adalah diingatkan juga bahawa ketidakpatuhan kepada mana-mana perundangan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia atau sekiranya Lembaga berpuas hati bahawa pemegang lesen telah mencemarkan imej industri kelapa sawit, ianya boleh menyebabkan lesen tuan/puan dibatalkan, digantung, atau tidak diperbaharui sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 15 (1)(j), Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005. Tindakan penguatkuasaan akan diambil memandangkan penolakan konsainan oleh negara pengimport memberi implikasi yang amat besar kepada imej industri sawit negara.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah

